

MOTIVASI, SIKAP DAN PERSEPSI GURU TERHADAP PEMANSUHAN PEPERIKSAAN AWAM

TEACHERS' MOTIVATION, ATTITUDE, AND PERCEPTION TOWARDS THE ABOLITION OF PUBLIC EXAMINATIONS

Farrah Syuhaida binti Ismail^{1*}

Nor Fazilah binti Noor Din²

Noor Laila binti Mohd Akil³

Rashidi bin Hamzah⁴

Ernie binti Adnan⁵

¹ Jabatan Ilmu Pendidikan, Institut Pendidikan Guru Kampus Perlis, Malaysia
Email: farrahsyuhaida@ipgm.edu.my

² Jabatan Ilmu Pendidikan, Institut Pendidikan Guru Kampus Perlis, Malaysia
Email: norfazilahnoordin@ipgm.edu.my

³ Jabatan Ilmu Pendidikan, Institut Pendidikan Guru Kampus Perlis, Malaysia
Email: noorlailamohdakil@ipgm.edu.my

⁴ Jabatan Ilmu Pendidikan, Institut Pendidikan Guru Kampus Perlis, Malaysia
Email: rashidihamzah@ipgm.edu.my

⁵ Jabatan Kecemerlangan Akademik, Institut Pendidikan Guru Kampus Perlis, Malaysia
Email: ernieadnan@ipgm.edu.my

* Corresponding Author

Article history

Received date : 19-6-2026

Revised date : 20-6-2026

Accepted date : 25-7-2026

Published date : 1-8-2026

To cite this document:

Ismail, F. S., Noor Din, N. F., Mohd Akil, N. L., Hamzah, R., & Adnan, E. (2026). Motivasi, sikap dan persepsi guru terhadap pemansuhan peperiksaan awam. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (85), 196 – 206.

Abstrak: Pemansuhan peperiksaan awam merupakan salah satu reformasi pentaksiran dalam sistem pendidikan yang bertujuan mengurangkan budaya pembelajaran berorientasikan peperiksaan dan memperkukuh pentaksiran holistik. Walau bagaimanapun, kejayaan pelaksanaannya amat bergantung kepada penerimaan guru sebagai pelaksana dasar pada peringkat sekolah. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis tahap motivasi, sikap dan persepsi guru terhadap pemansuhan peperiksaan awam serta menentukan sama ada terdapat perbezaan yang signifikan dalam motivasi berdasarkan jantina. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif berbentuk tinjauan melibatkan 168 orang guru di negeri Perlis sebagai responden. Data dikumpulkan melalui soal selidik berstruktur dan dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi, iaitu ujian-t sampel bebas. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap motivasi, sikap dan persepsi guru terhadap pemansuhan peperiksaan awam berada pada tahap sederhana. Analisis inferensi pula mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam motivasi guru berdasarkan jantina. Dapatan ini menunjukkan bahawa guru masih berada dalam fasa penyesuaian terhadap reformasi pentaksiran tersebut dan faktor jantina bukan penentu utama dalam membentuk motivasi mereka. Implikasi kajian ini mencadangkan keperluan sokongan profesional, latihan yang berterusan serta penjelasan dasar yang konsisten bagi meningkatkan tahap penerimaan dan keyakinan guru terhadap pelaksanaan sistem pentaksiran alternatif.

Kata Kunci: *pemansuhan peperiksaan awam, motivasi guru, sikap guru, persepsi guru, reformasi pentaksiran*

Abstract: *The abolition of public examinations is one of the assessment reforms in the education system aimed at reducing the examination-oriented learning culture and strengthening holistic assessment. However, the success of its implementation highly depends on the acceptance of teachers as policy implementers at the school level. This study aims to analyze the levels of teachers' motivation, attitude, and perception towards the abolition of public examinations, as well as to determine whether there is a significant difference in motivation based on gender. This study utilized a quantitative survey approach involving 168 teachers in the state of Perlis as respondents. Data were collected using a structured questionnaire and analyzed using descriptive and inferential statistics, specifically the independent samples t-test. The findings showed that the levels of teachers' motivation, attitude, and perception towards the abolition of public examinations were at a moderate level. Inferential analysis revealed that there was no significant difference in teachers' motivation based on gender. These findings indicate that teachers are still in a adaptation phase regarding the assessment reform, and gender is not a primary determinant in shaping their motivation. The implications of this study suggest the need for continuous professional support, training, and consistent policy clarification to enhance teachers' acceptance and confidence in implementing alternative assessment systems.*

Keywords: *abolition of public examinations, teacher motivation, teacher attitude, teacher perception, assessment reform*

Pengenalan

Sistem pendidikan di Malaysia telah melalui pelbagai fasa transformasi dalam usaha meningkatkan kualiti pembelajaran, pencapaian murid serta kesejahteraan mereka secara menyeluruh. Salah satu langkah paling signifikan dalam transformasi ini ialah pemansuhan peperiksaan awam utama seperti Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3), yang diumumkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) masing-masing pada tahun 2021 dan 2022. Keputusan ini menandakan peralihan dasar pendidikan negara daripada sistem yang berorientasikan peperiksaan kepada sistem pentaksiran yang lebih holistik, berpusatkan murid dan menekankan pembangunan potensi individu secara menyeluruh (KPM, 2021).

Pemansuhan peperiksaan awam tersebut membuka ruang kepada pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) sebagai instrumen utama dalam menilai perkembangan kognitif, afektif dan psikomotor murid. Pendekatan ini bertujuan memperkukuh pembelajaran yang bermakna dan berterusan, serta tidak lagi bergantung kepada pencapaian akademik semata-mata. Darling-Hammond et al. (2020) menjelaskan bahawa sistem pendidikan yang berkesan perlu memberi perhatian terhadap pembangunan kognitif, sosial dan emosi murid secara seimbang. Sehubungan itu, pentaksiran yang bersifat formatif dilihat mampu menyokong perkembangan murid secara menyeluruh.

Selaras dengan itu, Black dan Wiliam (2009) menegaskan bahawa pentaksiran formatif yang dilaksanakan secara berterusan dapat meningkatkan kualiti pembelajaran melalui maklum balas yang membantu murid mengenal pasti kekuatan dan kelemahan mereka sepanjang proses pembelajaran. Dapatan ini turut disokong oleh Lee et al. (2020), yang menunjukkan bahawa

pelaksanaan pentaksiran formatif secara berterusan dengan maklum balas yang berkualiti memberi kesan positif terhadap pembelajaran murid. Pendekatan ini selari dengan reformasi sistem pentaksiran pendidikan di peringkat global yang menggalakkan peralihan daripada peperiksaan berpusat kepada pentaksiran autentik yang menyokong perkembangan kompetensi murid secara menyeluruh (OECD, 2013). Menurut Looney et al. (2018), perubahan tersebut bukan sekadar melibatkan kaedah penilaian, malah mencerminkan perubahan paradigma pendidikan daripada penekanan terhadap pencapaian peperiksaan kepada pembelajaran bermakna dan pembangunan kompetensi abad ke-21.

Dalam konteks Malaysia, reformasi ini mencerminkan komitmen kerajaan untuk mengurangkan budaya pembelajaran yang terlalu berorientasikan peperiksaan dan memperkukuh amalan pentaksiran yang lebih autentik, fleksibel serta berpusatkan murid. Walau bagaimanapun, kejayaan pelaksanaan sesuatu dasar pendidikan amat bergantung kepada guru sebagai pelaksana utama di sekolah. Fullan (2016) menegaskan bahawa keberkesanan sesuatu reformasi pendidikan dipengaruhi oleh tahap penerimaan dan komitmen guru dalam melaksanakan perubahan yang diperkenalkan.

Pernyataan Masalah

Walaupun pemansuhan peperiksaan awam merupakan antara reformasi penting dalam sistem pendidikan negara, pelaksanaannya masih menimbulkan pelbagai reaksi dalam kalangan guru. Perubahan daripada sistem peperiksaan berpusat kepada Pentaksiran Bilik Darjah memerlukan guru menyesuaikan amalan pentaksiran, pendekatan pengajaran serta pertimbangan profesional mereka. Oleh itu, kejayaan reformasi ini bukan sahaja bergantung kepada dasar yang diperkenalkan, malah dipengaruhi oleh tahap motivasi, sikap dan persepsi guru terhadap perubahan tersebut (Fullan, 2016).

Beberapa kajian tempatan menunjukkan bahawa guru secara umumnya menerima pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah, namun masih berhadapan dengan pelbagai cabaran seperti kefahaman terhadap konsep pentaksiran, pelaksanaan pertimbangan profesional, beban tugas dan jaminan kualiti pentaksiran (Arumugham & Ariffin, 2021; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2023). Keadaan ini menunjukkan bahawa penerimaan guru terhadap reformasi pentaksiran masih memerlukan perhatian bagi memastikan objektif pemansuhan peperiksaan awam dapat dicapai secara berkesan.

Di samping itu, kebanyakan kajian terdahulu lebih memberi tumpuan kepada aspek pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah, tahap kesediaan guru, cabaran pelaksanaan serta kompetensi pentaksiran guru. Sebaliknya, kajian yang meneliti motivasi, sikap dan persepsi guru terhadap pemansuhan peperiksaan awam sebagai satu dasar pendidikan masih terhad. Kekurangan bukti empirikal ini menyebabkan tahap penerimaan guru terhadap reformasi tersebut belum dapat dijelaskan secara menyeluruh, sedangkan ketiga-tiga konstruk tersebut berpotensi mempengaruhi komitmen guru dalam melaksanakan perubahan pendidikan secara berkesan (UNESCO, 2023; OECD, 2023).

Selain itu, faktor demografi seperti jantina turut dikaji dalam penyelidikan berkaitan perubahan pendidikan. Walau bagaimanapun, dapatan kajian masih menunjukkan keputusan yang tidak konsisten. Harris dan Jones (2017) berpandangan bahawa faktor profesional dan konteks organisasi lebih dominan mempengaruhi penerimaan guru berbanding faktor demografi. Namun begitu, beberapa kajian terkini mencadangkan supaya pengaruh faktor demografi terus diteliti mengikut konteks pelaksanaan sesuatu dasar kerana perbezaan latar belakang guru

berpotensi mempengaruhi tahap motivasi dan penerimaan mereka terhadap perubahan pendidikan (OECD, 2023).

Berdasarkan jurang tersebut, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap motivasi, sikap dan persepsi guru terhadap pemansuhan peperiksaan awam serta meneliti sama ada terdapat perbezaan motivasi guru berdasarkan jantina. Dapatan kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada penghasilan bukti empirikal yang dapat membantu memperkukuh pelaksanaan reformasi pentaksiran dan meningkatkan keberkesanan dasar pendidikan negara.

Objektif Kajian

1. Mengetahui tahap motivasi guru terhadap pemansuhan peperiksaan awam;
2. Mengetahui tahap sikap guru terhadap pemansuhan peperiksaan awam;
3. Mengetahui tahap persepsi guru terhadap pemansuhan peperiksaan awam; dan
4. Menentukan sama ada terdapat perbezaan yang signifikan dalam motivasi, sikap dan persepsi guru berdasarkan jantina.

Persoalan Kajian

1. Bagaimanakah tahap motivasi guru terhadap pemansuhan peperiksaan awam?
2. Bagaimanakah sikap guru terhadap pemansuhan peperiksaan awam?
3. Bagaimanakah tahap persepsi guru terhadap pemansuhan peperiksaan awam?
4. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam motivasi guru terhadap pemansuhan peperiksaan awam berdasarkan jantina?

Kajian Literatur

Dalam literatur pendidikan, reformasi sistem pentaksiran sering dikaitkan dengan perubahan paradigma daripada pendekatan berorientasikan peperiksaan kepada pendekatan pentaksiran berasaskan pembelajaran. Fullan (2016) menjelaskan bahawa perubahan pendidikan memerlukan tempoh penyesuaian kerana guru perlu menyesuaikan amalan pengajaran, pentaksiran dan kepercayaan profesional mereka.

Kajian-kajian mutakhir menunjukkan bahawa kejayaan reformasi pentaksiran banyak bergantung pada tahap kesediaan dan penerimaan guru terhadap perubahan tersebut. Arumugham dan Ariffin (2021) mendapati bahawa pemansuhan UPSR telah mencetuskan pelbagai reaksi dalam kalangan pemimpin sekolah, khususnya berkaitan kefahaman terhadap pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD), pertimbangan profesional dan jaminan kualiti pentaksiran. Sementara itu, Khaw dan Nurfaradilla Mohamad Nasri (2024) melaporkan bahawa keberkesanan pelaksanaan PBD dipengaruhi oleh tahap pengetahuan, kemahiran serta persepsi guru terhadap latihan yang diterima, sekali gus menunjukkan bahawa kesediaan guru merupakan prasyarat penting bagi menjayakan reformasi pentaksiran.

Selain itu, Looney et al. (2018) menekankan bahawa peralihan kepada pentaksiran autentik memerlukan perubahan budaya sekolah secara menyeluruh. Tanpa sokongan kepimpinan dan latihan profesional yang mencukupi, guru cenderung menunjukkan tahap penerimaan yang sederhana terhadap reformasi tersebut. Dapatan ini turut disokong oleh Darwira, Muhamad Azian dan Ismail (2025) yang mendapati bahawa guru mengiktiraf keberkesanan PBD dalam menilai potensi murid secara holistik, namun pelaksanaannya masih berhadapan dengan cabaran seperti beban tugas, kekangan masa dan kefahaman ibu bapa terhadap konsep pentaksiran baharu.

Seiring dengan itu, Wiliam (2018) menjelaskan bahawa keberkesanan pentaksiran formatif bukan bergantung kepada instrumen semata-mata, tetapi kepada keupayaan guru mengintegrasikan pentaksiran ke dalam amalan pengajaran harian. Pandangan ini turut disokong oleh Schildkamp et al. (2020) yang menegaskan bahawa pengetahuan, kemahiran dan faktor psikologi guru merupakan prasyarat penting bagi memastikan pentaksiran formatif dapat dilaksanakan secara berkesan dalam bilik darjah. Oleh itu, tahap motivasi, sikap dan persepsi guru terhadap pemansuhan peperiksaan awam merupakan faktor penting yang berpotensi mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan reformasi pentaksiran di sekolah.

Kerangka konsep/teori

Bagi tujuan kajian ini, penyelidik menggunakan Teori Penentuan Kendiri. Teori Penentuan Kendiri (*Self-Determination Theory, SDT*) yang diperkenalkan oleh Deci dan Ryan (1985) memberikan kerangka psikologi yang komprehensif untuk memahami motivasi manusia, termasuk dalam konteks pendidikan. Teori ini membahagikan motivasi kepada dua bentuk utama, iaitu motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik. Motivasi intrinsik merujuk kepada dorongan dalaman yang lahir daripada minat dan kepuasan peribadi terhadap aktiviti pembelajaran, manakala motivasi ekstrinsik dipacu oleh faktor luaran seperti ganjaran, tekanan atau penilaian. Penerapan Teori Penentuan Kendiri dalam kajian ini membolehkan penyelidik memahami bagaimana ketiadaan faktor pendorong ekstrinsik, seperti peperiksaan. Dalam konteks kajian ini, pemansuhan peperiksaan awam boleh mempengaruhi motivasi guru kerana perubahan sistem pentaksiran mengubah bentuk autonomi, kompetensi dan hubungan profesional mereka sebagaimana yang dijelaskan dalam Teori Penentuan Kendiri (Deci & Ryan, 2000). Pemahaman ini penting bagi memastikan perubahan dasar pendidikan seperti pemansuhan peperiksaan tidak menjejaskan semangat dan komitmen guru terhadap proses pengajaran dan pembelajaran.

Teori Perubahan Pendidikan yang dikemukakan oleh Michael Fullan (2016) menjelaskan bahawa perubahan dalam sistem pendidikan bukan sekadar pelaksanaan dasar baharu, tetapi melibatkan proses adaptasi psikologi dan profesional dalam kalangan guru. Menurut Fullan, guru sering mengalami fasa *implementation dip*, iaitu penurunan sementara dari segi keyakinan dan motivasi ketika sesuatu perubahan diperkenalkan. Dalam konteks pemansuhan peperiksaan awam, guru perlu menyesuaikan pendekatan pengajaran dan pentaksiran mereka, sekali gus berpotensi mempengaruhi tahap motivasi, sikap dan persepsi terhadap dasar tersebut. Teori ini relevan kerana ia menerangkan bahawa penerimaan guru terhadap reformasi pendidikan bergantung kepada sokongan, latihan dan kepimpinan sekolah.

Metodologi Kajian

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan deskriptif. Pendekatan ini dipilih kerana ia sesuai untuk menganalisis tahap motivasi, sikap dan persepsi guru terhadap pemansuhan peperiksaan awam. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS)* versi 26.0 untuk mendapatkan statistik deskriptif dan inferensi bagi menjawab persoalan kajian. Bagi memastikan kesahan kandungan instrumen, soal selidik telah disemak oleh dua orang pakar yang berpengalaman dalam bidang psikologi pendidikan. Pandangan dan cadangan yang dikemukakan oleh pakar tersebut telah digunakan untuk menambah baik struktur item, kejelasan bahasa, dan kesesuaian kandungan mengikut objektif kajian.

Persampelan

Seramai 168 orang guru daripada enam buah sekolah rendah di negeri Perlis telah dipilih sebagai responden kajian. Sekolah-sekolah ini merupakan sekolah pengajar (*teaching school*) yang menjadi rakan strategik Institut Pendidikan Guru Kampus Perlis. Teknik persampelan bertujuan (*purposive sampling*) digunakan kerana responden dipilih daripada sekolah-sekolah yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan dasar pentaksiran semasa. Pemilihan ini digunakan bagi memastikan keterwakilan guru yang sesuai dengan fokus kajian (Etikan, 2021). Kebenaran bertulis untuk pelaksanaan kajian telah diperoleh daripada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Perlis dan juga Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD), Kementerian Pendidikan Malaysia. Persetujuan turut diperoleh daripada responden yang terlibat. Keseluruhan proses ini mematuhi garis panduan etika penyelidikan pendidikan yang digariskan oleh pihak berkuasa pendidikan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2021).

Instrumen Kajian

Instrumen kajian merupakan satu set soal selidik yang dibina sendiri oleh penyelidik, berpandukan dapatan sorotan literatur berkaitan tahap motivasi, sikap dan persepsi guru terhadap pemansuhan peperiksaan awam. Soal selidik ini mengandungi 18 item, yang merangkumi tiga komponen utama iaitu tahap motivasi, sikap guru dan persepsi guru. Setiap item dinilai menggunakan Skala Likert lima iaitu sangat setuju (SS), setuju (S), kurang setuju (KS), tidak setuju (TS) dan sangat tidak setuju (STS). Skala ini membolehkan penilaian tahap kecenderungan motivasi guru secara kuantitatif yang lebih terukur dan sistematik (Taherdoost, 2022). Kandungan soal selidik telah disemak oleh panel pakar dalam bidang psikologi pendidikan bagi menjamin kesahihan kandungan.

Kajian Rintis

Kajian rintis telah dijalankan terhadap 30 orang guru yang mempunyai ciri-ciri hampir sama dengan sampel kajian sebenar. Analisis kebolehpercayaan menunjukkan nilai Alpha Cronbach bagi konstruk motivasi ialah 0.84, sikap 0.81 dan persepsi 0.86. Nilai keseluruhan instrumen ialah 0.88 yang menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang tinggi (Pallant, 2020).

Prosedur Kajian

Pengumpulan data dijalankan secara bersemuka dengan pengedaran borang soal selidik bercetak kepada guru di sekolah masing-masing. Aktiviti pengedaran dilaksanakan dengan kerjasama pihak pentadbir untuk melengkapkan borang soal selidik dalam suatu tempoh masa. Penekanan turut diberikan kepada aspek kerahsiaan dan kerelaan, bagi memastikan semua responden memberikan jawapan dengan jujur tanpa sebarang tekanan. Kajian ini mematuhi standard etika penyelidikan pendidikan, termasuk pelaksanaan persetujuan dimaklumkan dan perlindungan data peribadi responden.

Dapatan Kajian

Jadual 1 menunjukkan bahawa responden kajian terdiri daripada 168 orang guru daripada enam buah sekolah rendah. Taburan responden adalah hampir seimbang mengikut sekolah dengan peratusan antara 15.5% hingga 18.5%. Dari segi jantina, majoriti responden ialah guru perempuan (78.0%), manakala guru lelaki mewakili 22.0%. Berdasarkan pengalaman mengajar, kebanyakan responden mempunyai pengalaman antara 11 hingga 20 tahun (44.0%), menunjukkan bahawa sampel kajian terdiri daripada guru yang berpengalaman sederhana hingga tinggi.

Jadual 1: Maklumat Demografi

Pemboleh Ubah	Kategori	Kekerapan (f)	Peratus (%)
Sekolah	SK A	26	15.5
	SK B	26	15.5
	SK C	26	15.5
	SK D	29	17.3
	SK E	30	17.9
	SK F	31	18.5
	Jumlah	168	100.0
Jantina	Lelaki	37	22.0
	Perempuan	131	78.0
	Jumlah	168	100.0
Pengalaman Mengajar	1 – 10 Tahun	20	11.9
	11 – 20 Tahun	74	44.0
	21 – 30 Tahun	55	32.7
	31 – 40 Tahun	19	11.3
	Jumlah	168	100.0

Tahap Motivasi, Sikap dan Persepsi Guru Terhadap Pemansuhan Peperiksaan Awam

Analisis bahagian ini adalah bertujuan untuk mengumpulkan maklumat mengenai tahap motivasi, sikap dan persepsi guru terhadap pemansuhan peperiksaan awam. Kesemua format jawapan ialah merangkumi 5 elemen iaitu sangat setuju (SS), setuju (S), kurang setuju (KS), tidak setuju (TS) dan sangat tidak setuju (STS) dengan penggunaan interpretasi skor min oleh Pallant (2020).

Jadual 2: Min Tahap Motivasi, Sikap dan Persepsi Guru Terhadap Pemansuhan Peperiksaan Awam

Konstruk	N	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Motivasi	168	2.9931	0.98902	Sederhana
Sikap	168	2.7966	1.00190	Sederhana
Persepsi	168	2.7302	0.99178	Sederhana

Secara keseluruhan, dapatan menunjukkan bahawa motivasi, sikap dan persepsi guru terhadap pemansuhan peperiksaan awam berada pada tahap sederhana. Nilai min tertinggi dicatatkan bagi konstruk Motivasi ($M = 2.99$), diikuti oleh Sikap ($M = 2.80$) dan Persepsi ($M = 2.73$). Walaupun semuanya berada dalam kategori sederhana, nilai min yang hampir kepada 3.00 menunjukkan bahawa guru berada dalam keadaan pertengahan, iaitu tidak menunjukkan penolakan yang kuat tetapi juga belum mencapai tahap sokongan yang tinggi terhadap pemansuhan peperiksaan awam. Sisihan piawai yang hampir kepada 1.00 bagi ketiga-tiga konstruk menunjukkan terdapat variasi respons yang sederhana dalam kalangan guru.

Analisis Inferensi: Perbezaan Motivasi, Sikap dan Persepsi Berdasarkan Jantina

Bagi menjawab persoalan kajian berkaitan perbezaan motivasi, sikap dan persepsi guru terhadap pemansuhan peperiksaan awam berdasarkan jantina, analisis Ujian-t Sampel Bebas (*Independent Samples t-test*) telah dijalankan, melibatkan 37 orang (22.0%) responden lelaki ialah 37 orang dan 131 orang (78.0%) responden perempuan.

Jadual 3: Analisis Ujian-t Sampel Bebas

Konstruk	t	df	p	Keputusan
Motivasi	1.753	166	0.081	Tidak signifikan
Sikap	1.277	166	0.203	Tidak signifikan
Persepsi	1.124	166	0.263	Tidak signifikan

Bagi menentukan sama ada terdapat perbezaan yang signifikan dalam motivasi, sikap dan persepsi guru terhadap pemansuhan peperiksaan awam berdasarkan jantina, ujian-t sampel bebas telah dijalankan. Keputusan analisis menunjukkan bahawa bagi konstruk motivasi, nilai Levene's Test adalah tidak signifikan ($F = 2.828$, $p = .095$), menandakan bahawa andaian kesamarataan varians dipenuhi. Keputusan ujian-t menunjukkan nilai $t(166) = 1.753$ dengan nilai signifikan $p = 0.081$. Oleh kerana nilai p melebihi aras signifikan 0.05 , maka tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap motivasi antara guru lelaki dan guru perempuan. Walaupun secara deskriptif guru lelaki mencatatkan skor min yang lebih tinggi ($M = 3.2432$) berbanding guru perempuan ($M = 2.9224$), perbezaan tersebut tidak cukup besar untuk dianggap signifikan secara statistik. Ini menunjukkan bahawa faktor jantina tidak mempengaruhi motivasi guru terhadap pemansuhan peperiksaan awam.

Bagi konstruk sikap, keputusan Levene's Test juga menunjukkan nilai tidak signifikan ($F = 2.238$, $p = .137$), sekali gus membolehkan tafsiran dibuat berdasarkan andaian kesamarataan varians. Nilai ujian-t yang diperoleh ialah $t(166) = 1.277$ dengan nilai signifikan $p = 0.203$. Oleh itu, tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam sikap guru terhadap pemansuhan peperiksaan awam berdasarkan jantina. Walaupun guru lelaki mencatatkan skor min yang sedikit lebih tinggi ($M = 2.9820$) berbanding guru perempuan ($M = 2.7443$), perbezaan tersebut adalah kecil dan tidak signifikan secara statistik. Hal ini menunjukkan bahawa sikap guru terhadap dasar pemansuhan peperiksaan awam adalah relatif seragam tanpa mengira jantina.

Seterusnya, bagi konstruk persepsi, keputusan Levene's Test menunjukkan nilai $F = 0.240$ dengan $p = 0.625$, yang juga tidak signifikan. Oleh itu, analisis ujian-t dibuat berdasarkan andaian kesamarataan varians. Keputusan menunjukkan nilai $t(166) = 1.124$ dengan $p = 0.263$. Oleh kerana nilai p melebihi 0.05 , maka tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam persepsi antara guru lelaki dan perempuan. Walaupun skor min guru lelaki ($M = 2.8919$) adalah sedikit lebih tinggi berbanding guru perempuan ($M = 2.6845$), perbezaan tersebut tidak signifikan.

Secara keseluruhannya, dapatan ujian-t sampel bebas menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam motivasi, sikap dan persepsi guru terhadap pemansuhan peperiksaan awam berdasarkan jantina. Walaupun analisis deskriptif memperlihatkan kecenderungan skor min yang lebih tinggi dalam kalangan guru lelaki bagi ketiga-tiga konstruk, perbezaan tersebut tidak signifikan secara statistik. Dapatan ini menunjukkan bahawa penerimaan atau penilaian guru terhadap pemansuhan peperiksaan awam lebih bersifat profesional dan kontekstual berbanding dipengaruhi oleh faktor demografi seperti jantina.

Perbincangan

Berdasarkan analisis deskriptif, dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap motivasi ($M=2.99$), sikap ($M=2.80$) dan persepsi ($M=2.73$) guru terhadap pemansuhan peperiksaan awam berada pada tahap sederhana. Dapatan ini menunjukkan bahawa guru tidak menunjukkan penolakan yang jelas terhadap dasar tersebut, namun pada masa yang sama belum mencapai tahap

sokongan yang tinggi. Keadaan ini menggambarkan bahawa guru berada dalam fasa transisi terhadap reformasi pentaksiran.

Tahap motivasi yang sederhana mencerminkan bahawa pemansuhan peperiksaan awam belum sepenuhnya meningkatkan semangat profesional guru. Hal ini mungkin disebabkan oleh peningkatan tanggungjawab dalam pelaksanaan pentaksiran bilik darjah yang memerlukan dokumentasi dan pemantauan berterusan. Dapatan ini selari dengan pandangan Fullan (2016) yang menyatakan bahawa dalam fasa awal reformasi, guru sering mengalami *implementation dip*, iaitu penurunan motivasi sementara sebelum mencapai kestabilan.

Sikap guru yang berada pada tahap sederhana pula menunjukkan kewujudan sikap berhati-hati terhadap pemansuhan peperiksaan awam. Dapatan ini selari dengan pandangan Brown (2011) yang menyatakan bahawa kepercayaan dan sikap guru terhadap pentaksiran banyak dipengaruhi oleh pengalaman mereka menggunakan sistem penilaian tersebut. Apabila sesuatu sistem baharu diperkenalkan, guru lazimnya memerlukan masa untuk membina keyakinan terhadap keberkesanan dan kesahan amalan pentaksiran yang baharu. Guru mungkin menyokong matlamat pengurangan tekanan peperiksaan, namun masih menilai semula keberkesanan sistem pentaksiran alternatif dari segi standardisasi dan akauntabiliti. Hal ini sejajar dengan dapatan Brown dan Harris (2016) yang menegaskan bahawa guru sering mempersoalkan isu keseragaman penilaian apabila sistem peperiksaan berpusat dimansuhkan.

Dari aspek persepsi, skor min yang sederhana menunjukkan bahawa guru masih dalam proses membentuk penilaian yang jelas terhadap keberkesanan dasar tersebut. Persepsi ini mungkin dipengaruhi oleh pengalaman pelaksanaan di peringkat sekolah dan tahap sokongan pentadbiran. Looney et al. (2018) menegaskan bahawa perubahan sistem pentaksiran memerlukan perubahan budaya organisasi sekolah, dan tanpa sokongan menyeluruh, persepsi guru cenderung kekal pada tahap sederhana.

Tahap sederhana yang diperoleh bagi ketiga-tiga konstruk menunjukkan bahawa guru masih belum mencapai tahap penerimaan yang optimum terhadap reformasi pentaksiran. Situasi ini berkemungkinan berpunca daripada ketidakseragaman pelaksanaan PBD, peningkatan beban dokumentasi serta keperluan latihan profesional yang berterusan.

Bagi analisis inferensi, keputusan ujian-t sampel bebas menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam motivasi guru berdasarkan jantina ($t(166)=1.753$, $p=0.081$). Walaupun guru lelaki mencatatkan skor min yang sedikit lebih tinggi berbanding guru perempuan, perbezaan tersebut tidak signifikan secara statistik. Dapatan ini menunjukkan bahawa motivasi guru terhadap pemansuhan peperiksaan awam tidak dipengaruhi oleh faktor jantina. Hal ini menyokong pandangan Harris dan Jones (2017) bahawa penerimaan terhadap reformasi pendidikan lebih dipengaruhi oleh konteks profesional dan kepimpinan sekolah berbanding ciri demografi individu.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati bahawa tahap motivasi, sikap dan persepsi guru terhadap pemansuhan peperiksaan awam berada pada tahap sederhana. Dapatan ini menunjukkan bahawa guru berada dalam fasa penyesuaian terhadap reformasi pentaksiran dan belum menunjukkan penerimaan yang sepenuhnya positif. Selain itu, tiada perbezaan signifikan dalam motivasi berdasarkan jantina, yang menandakan bahawa faktor demografi bukan penentu utama dalam membentuk motivasi guru terhadap dasar tersebut.

Kajian ini mempunyai beberapa keterbatasan. Pertama, sampel kajian hanya melibatkan guru sekolah rendah di negeri Perlis dan tidak mewakili keseluruhan populasi guru di Malaysia. Kedua, penggunaan soal selidik sendiri berpotensi menghasilkan bias respons. Oleh itu, kajian lanjutan disarankan menggunakan pendekatan campuran yang menggabungkan soal selidik dan temu bual bagi memperoleh pemahaman yang lebih mendalam.

Kajian ini menyumbang kepada literatur berkaitan reformasi pentaksiran pendidikan di Malaysia dengan menyediakan bukti empirikal tentang tahap penerimaan guru terhadap pemansuhan peperiksaan awam. Dapatan kajian boleh dijadikan asas oleh KPM dalam merancang program pembangunan profesional guru yang lebih sistematik bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan pentaksiran alternatif. Implikasinya, pelaksanaan pemansuhan peperiksaan awam memerlukan sokongan profesional yang berterusan, latihan yang sistematik serta penjelasan dasar yang konsisten bagi meningkatkan keyakinan dan penerimaan guru. Guskey (2002) menegaskan bahawa perubahan sikap dan kepercayaan guru lazimnya berlaku selepas mereka melihat keberkesanan sesuatu inovasi dalam amalan sebenar. Oleh itu, latihan profesional yang berterusan serta sokongan pelaksanaan yang sistematik amat penting bagi meningkatkan keyakinan guru terhadap reformasi pentaksiran. Tanpa intervensi yang terancang, tahap penerimaan guru mungkin kekal sederhana dan tidak berkembang ke arah tahap yang lebih positif.

Rujukan

- Ahmad Ramli, & Zulaikha Rahim. (2021). Professional development programs and teacher effectiveness: A Malaysian perspective. *International Journal of Education and Development*, 16(3), 34-49.
- Arumugham, K. S., & Ariffin, N. H. (2021). Pemansuhan UPSR: Persepsi dan penerimaan guru besar terhadap pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah. *Asian People Journal*, 4(2), 1–13.
- Black, P., & Wiliam, D. (2009). Developing the theory of formative assessment. *Educational Assessment, Evaluation and Accountability*, 21(1), 5–31
- Brown, G. T. L. (2011). Self-regulation of assessment beliefs and attitudes: A review of the students' conceptions of assessment inventory. *Educational Psychology*, 31(6), 731–748.
- Brown, G. T. L., & Harris, L. R. (2016). *Handbook of human and social conditions in assessment*. Routledge.
- Chin, M. K., Thien, L. M., & Chew, B. H. (2019). Teachers' perceptions of school-based assessment implementation in Malaysia. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 16(2), 1–24.
- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2022). *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches* (6th ed.). SAGE Publications.
- Darling-Hammond, L., Flook, L., Cook-Harvey, C., Barron, B., & Osher, D. (2020). Implications for educational practice of the science of learning and development. *Applied Developmental Science*, 24(2), 97–140.
- Darwira, N. F. A., Muhamad Azian, F. U., & Ismail, S. (2025). Persepsi guru terhadap pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dalam pembangunan modal insan murid sekolah rendah. *e-Bangi: Journal of Social Sciences & Humanities*, 22(3)
- Deci, E. L., & Ryan, R. M. (2000). The “what” and “why” of goal pursuits: Human needs and the self-determination of behavior. *Psychological Inquiry*, 11(4), 227–268.
- Etikan, I. (2021). Comparison of convenience sampling and purposive sampling. *American Journal of Theoretical and Applied Statistics*, 10(1), 1–4.

- Fullan, M. (2016). The new meaning of educational change (5th ed.). Teachers College Press.
- Guskey, T. R. (2002). Professional development and teacher change. *Teachers and Teaching: Theory and Practice*, 8(3), 381–391.
- Harris, A., & Jones, M. (2017). Leading educational change and improvement at scale: Some inconvenient truths about system performance. *International Journal of Leadership in Education*, 20(5), 632–647. <https://doi.org/10.1080/13603124.2016.1214209>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2023). Laporan pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dan penjaminan kualiti. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2021). Kenyataan media pemansuhan UPSR dan pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah sepenuhnya di sekolah rendah. Putrajaya: KPM.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2021). Garis Panduan Etika Penyelidikan Pendidikan. Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.
- Khaw, K. X., & Mohamad Nasri, N. (2024). The readiness level of primary school teachers towards the implementation of Classroom-Based Assessment (PBD). *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 13(4), 1788–1799.
- Lee, H., Chung, H. Q., Zhang, Y., Abedi, J., & Warschauer, M. (2020). The effectiveness and features of formative assessment in US K–12 education: A systematic review. *Applied Measurement in Education*, 33(2), 124–140. <https://doi.org/10.1080/08957347.2020.173238>
- Looney, A., Cumming, J., van Der Kleij, F., & Harris, K. (2018). Reconceptualising the role of teachers as assessors: Teacher assessment identity. *Assessment in Education: Principles, Policy & Practice*, 25(5), 442–467. <https://doi.org/10.1080/0969594X.2016.126809>
- OECD. (2023). Education at a glance 2023: OECD indicators. OECD Publishing. <https://doi.org/10.1787/e13bef63-en>
- OECD. (2013). *Synergies for Better Learning: An International Perspective on Evaluation and Assessment*. Paris: OECD Publishing.
- Pallant, J. (2020). SPSS survival manual (7th ed.). McGraw-Hill.
- Schildkamp, K., van der Kleij, F. M., Heitink, M. C., Kippers, W. B., & Veldkamp, B. P. (2020). Formative assessment: A systematic review of critical teacher prerequisites for classroom practice. *International Journal of Educational Research*, 103, 101602. <https://doi.org/10.1016/j.ijer.2020.101602>
- Schunk, D. H., Pintrich, P. R., & Meece, J. L. (2014). *Motivation in Education: Theory, Research, and Applications* (4th ed.). Pearson.
- UNESCO. (2023). Global education monitoring report 2023: Technology in education – A tool on whose terms? Paris: UNESCO Publishing
- UNESCO. (2023). Global education monitoring report 2023: Technology in education – A tool on whose terms? Paris: UNESCO Publishing
- William, D. (2018). *Embedded Formative Assessment* (2nd ed.). Bloomington, IN: Solution Tree Press.